

07 - 06 - 2017

seter

TERNAKAN yang dijangkiti hawar berdarah tidak menunjukkan tanda klinikal yang ketara sebelum mati.



Wabak berdarah

■ 245 ternakan lembu, kerbau mati dijangkiti hawar

dijangkiti Heamoragic Septicaemia (HS) atau hawar berdarah di sekitar daerah ini dan Marang.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, wabak itu merebak sangat cepat sehingga ternakan yang di-

jangkiti gagal diselamatkan.

“Sebanyak 185 lembu dan 40 kerbau di FELDA Rantau Abang 1 dan 2, Marang, manakala sembilan lembu dan 11 kerbau di daerah ini mati akibat penyakit itu.

“Antara tanda ternakan diserang wabak itu apabila ternakan kelesuan, murung,

tidak aktif, demam serta mulut dan hidung berair selain bengkak pada kepala, leher dan dada.

“Jika haiwan mengalami masalah penafasan dahulu, kematian ternakan berlaku cepat dan tanda klinikal penyakit tidak ketara malah tidak dapat dilihat,” kata-

nya, semalam.

Mohd Termizi berkata, penyakit itu dikesan pada 2 Mei lalu di Felda Ranta Abang 1 dan 2 apabila keputusan makmal mendapati ternakan itu dijangkiti HS.

“Kematian ternakan adalah tinggi. Justeru, pemeriksaan dilakukan bagi membendung penyakit itu merebak melalui pemvaksinan dan suntikan antibiotik.

“Sehingga kini, 959 ternakan disuntik vaksin, antibiotik dan jangkitan penyakit itu melalui perhubungan terus dan air minuman,” katanya.

Berhubung dakwaan yang tular kononnya JPV negeri mengeluarkan amaran supaya masyarakat tidak membeli daging lembu dan kerbau yang dijual di negeri ini beliau berkata ia tidak benar.

“Kami tidak mengeluarkan amaran atau halangan untuk membeli daging seperti ditularkan, cuma menasihati dan mencadangkan orang ramai mendapatkan bekalan daging daripada pembekal dipercayai,” katanya.

Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

sala Terengganu

Sebanyak 245 kes ternakan seperti kerbau dan lembu mati akibat